

Semua mufti terlibat — Dr. Ismail

UM 7 APR 2001

KUALA LUMPUR 6 April — Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim berkata, semua mufti akan terlibat dalam muzakarah mengenai Amanat Haji Hadi jika ia dianjurkan oleh majlis itu.

Beliau berkata, perbincangan itu nanti akan me-

libatkan sama ada majlis itu atau Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang.

Menurutnya, beberapa ulama Islam yang lain juga akan diundang sekiranya muzakarah itu dianjurkan oleh IKIM.

“Muzakarah ialah dengan Abdul Hadi kerana dia yang mengeluarkan amanat itu sebagaimana yang dipersetujui oleh Datuk Fadzil Noor.

“Secepat-cepatnya ia akan diadakan bulan depan kerana banyak perkara yang perlu dihalusi.

“Bagaimanapun, saya

hanya mengetahui persetujuan ini melalui akhbar. Pas setakat ini belum menghubungi saya,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perkembangan muzakarah itu ekoran saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir yang mahukan ia dilakukan segera.

Semalam, Dr. Mshathir berkata, biarlah Abdul Hadi yang bertanggungjawab mengeluarkan amanat itu bermuzakarah dengan Majlis Fatwa Kebangsaan atas kapasiti individu bukan sebagai wakil Pas.